



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
TINGKAT 1, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH

Pemohon-pemohon adalah dipelawa kepada **RAKYAT DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang beragama Islam serta berkelayakan, untuk memohon kekosongan jawatan di Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi jawatan berikut:

BIL	JAWATAN	GRED / TARAF JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN / (KUMPULAN PERKHIDMATAN)	JADUAL GAJI (RM)	FUNGSI BIDANG TUGAS
1	Pembantu Hal Ehwal Islam (Mubaligh Islam)	Gred S1 Kontrak (<i>Contract Of Service</i>)	Sosial / Pelaksana	Minimum : RM1,500.00 Maksimum : RM4,680.00	<ol style="list-style-type: none">1. Membantu tugas yang berkaitan dengan dakwah, akidah dan undang-undang Syariah di seluruh negeri Perak.2. Membantu menyelaras dan melaksana program-program dakwah seluruh negeri Perak.3. Mengendalikan pengurusan fail, pentadbiran dalaman dan kewangan Mubaligh Islam di peringkat bahagian.
2	Pembantu Khidmat Am (Pembantu Mubaligh Islam)	Gred H1 Kontrak (<i>Contract Of Service</i>)	Kemahiran / Pelaksana	Minimum : RM1,500.00 Maksimum : RM4,680.00	<ol style="list-style-type: none">1. Membantu melaksana program-program dakwah di lapangan (Pos Orang Asli, KOA, Hospital, dll) seluruh negeri Perak.2. Membantu melaksana program-program pengislaman, bantuan muallaf dan fakir miskin muallaf di lapangan seluruh negeri Perak.

2. SYARAT UMUM

- 2.1 Calon-calon bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 54 tahun pada tarikh iklan ditutup.
- 2.2 Warganegara Malaysia yang beragama Islam.
- 2.3 **Keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.**
- 2.4 Memiliki lesen memandu kenderaan kelas B2 atau D/DA.
- 2.5 Bersedia untuk bekerjasama dalam menyampaikan visi dan misi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), komited dan bertanggungjawab dalam apa jua tugas yang diberikan.

3. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

3.1 Pembantu Hal Ehwal Islam (Mubaligh Islam) Gred S1 (Kontrak)

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; serta
 - Lulus dalam subjek Bahasa Arab atau Bahasa Arab (Komunikasi).(Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,561.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S1: RM1,622.00).
- (iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.2 Pembantu Khidmat Am (Pembantu Mubaligh Islam) Gred H1 (Kontrak)

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00).
- (v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. CARA MEMOHON:

- 4.1. Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang Permohonan Jawatan (MAIPk-BKP-P01/B01)** yang boleh didapati melalui laman web <https://www.maiamp.gov.my> atau dengan mengambil sendiri di kaunter Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 IPOH, Perak.
- 4.2. Sekeping gambar berukuran passport hendaklah dilekatkan di ruang yang telah disediakan pada borang permohonan.
- 4.3. Satu borang permohonan hanya untuk satu jawatan sahaja. Sila gunakan borang yang berasingan jika ingin memohon lebih dari satu jawatan.
- 4.4. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan **resume, salinan dokumen-dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, lesen memandu, sijil berhenti sekolah, sijil kelulusan persekolahan: SPM/SPM(V)/STPM/STAM, kelulusan akademik: Ijazah/Diploma/Matrikulasi KPM/SKM Tahap 2/3 dalam bidang berkaitan/Sijil daripada Pusat Pengajian Tinggi (jika ada), Dokumen pengiktirafan Diploma/Ijazah dari Sistem**

Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) / Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Sijil-sijil lain yang ada kaitan dengan jawatan seperti Sijil Pendaftaran Penuh dengan Lembaga Ikhtisas atau kelulusan-kelulusan lain dan dokumen-dokumen lain berkaitan yang telah disahkan.

- 4.5. Pegawai Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun yang sedang berkhidmat **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
- 4.6. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada **16 Disember 2024 (Isnin)** ke alamat berikut –

**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
(u.p.: Bahagian Khidmat Pengurusan, Sub-Unit Perjawatan)**
- 4.7. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- 4.8. Permohonan-permohonan yang tidak memberi keterangan lengkap di dalam borang yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
- 4.9. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 4.10. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.